

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

Terma dan Syarat yang Dipinda untuk AmBank Islamic Berhad: Kempen Am Up Your Chances akan menggantikan Terma dan Syarat yang ada memulai 1 Disember 2023.

- **Klausa 4.2 Jadual 1 & Klausa 4.3 Ilustrasi 5** telah ditambahkan dalam **font biru** untuk menggambarkan kempen kriteria untuk peruntukan penyertaan.

PERINGATAN: Pelanggan yang layak menyertai Kempen ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di bawah yang boleh didapati melalui www.ambank.com.my/TnC. Jika Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat dan terma dan syarat yang dikemaskini (jika ada), Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan mana-mana kakitangan, wakil atau ejen Bank.

1. Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya, melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya.

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat berkaitan dan Syarikat Bersekutu bagi Bank sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan dan rujukan kepada “Kumpulan AmBank” dalam Terma dan Syarat ini, hendaklah merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**AmOnline**” merujuk kepada perkhidmatan perbankan internet yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di <http://ambank.amonline.com.my>.

“**AmWafeeq SA-i**” merujuk kepada Akaun Simpanan-i AmWafeeq yang dibuka dan dikekalkan dengan Bank.

“**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama yang ditetapkan di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank Islamic Berhad (‘AmBank Islamic’) [No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Garis Asas**” merujuk kepada Baki Purata Bulanan bagi bulan sebelum bulan penyertaan. Ia boleh dikira dengan jumlah semua baki penutup harian bulan dalam Akaun Simpanan-i AmWafeeq Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

“**Kempen**” merujuk kepada “**Kempen Am Up Your Chances**” yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**DuitNow QR**” merujuk kepada pembayaran melalui fungsi “Imbas QR” dalam aplikasi AmOnline yang dipautkan kepada AmWafeeq SA-i Pelanggan yang Layak.

“**Hari**” merujuk kepada Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

“**Penyertaan**” merujuk penyertaan yang layak diperolehi dengan memenuhi kriteria dalam Klausa 4.2 yang memberikan hak kepada Pelanggan Yang Layak untuk melayakkan diri untuk hadiah Kempen.

“**Dana Baharu**” bermaksud wang atau dana yang:

- (a) Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit Bank/Kumpulan AmBank yang sedia ada;
- (b) Dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam AmWafeeq SA-i pelanggan.
- (c) Deposit boleh dibuat melalui tunai atau cek ke dalam AmWafeeq SA-i pelanggan.

Nota: Cek yang dikeluarkan oleh Bank lain adalah tertakluk kepada penjelasan mereka dan hanya akan dianggap sebagai deposit oleh Pelanggan yang Layak setelah cek tersebut dijelaskan dan hanya dianggap jelas jika tidak dipulangkan atau tidak laku.

“**BPB Tambahan**” merujuk kepada BPB untuk bulan tolak Garis Asas.

“**Baki Purata Bulanan (BPB)**” merujuk kepada jumlah semua baki penutup harian bulan dalam Akaun Simpanan-i AmWafeeq Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

“**Notis Awal**” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu yang diberi sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar di laman web Bank di www.ambank.com.my.

“**Cawangan-cawangan Satelit**” merujuk kepada cawangan Kumpulan AmBank yang menyediakan keperluan perbankan asas, iaitu pembukaan akaun, pembaharuan deposit bertempoh, kemasukan dan penebusan, pengiriman wang dan pertanyaan.

Perkataan yang menunjukkan seseorang hendaklah termasuk seseorang yang masih hidup dan, yang mana berkenaan, badan atau seseorang yang ditubuhkan atau tidak ditubuhkan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita dan neuter.

2. Tempoh Kempen

Kempen ini akan **bermula pada 1 April 2023 dan berakhir pada 31 Mac 2024** merangkumi kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen dengan memberi Notis Awal. Kempen akan tertakluk kepada semakan segera sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

3. Kelayakan

- 3.1 Semua pelanggan individu yang merupakan pemegang akaun utama yang memiliki AmWafeeq SA-i yang aktif (di sini disebut sebagai “**Pelanggan yang Layak**”) dengan Bank semasa Tempoh Kempen akan didaftarkan secara automatik untuk menyertai Kempen ini .
- 3.2 Kempen ini hanya terpakai untuk produk Akaun Simpanan-i AmWafeeq (seterusnya dirujuk sebagai “**Akaun Peserta**”).
- 3.3 Untuk layak dalam Kempen ini, semua akaun peserta mesti sah dan berada dalam keadaan baik yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.

**Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024**

- 3.4 Akaun Pelanggan yang Layak yang digantung, dibatalkan atau dihentikan atas sebarang sebab semasa Tempoh Kempen atau sebelum menerima hadiah wang tunai, tidak akan berhak mendapatkan hadiah wang tunai dalam Kempen ini.
- 3.5 Kategori individu yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- (a) Pelanggan bukan individu termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Pemilikan tunggal/perkongsian; dan/atau
 - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS); dan/atau
 - Organisasi bukan untung/badan amal/pertubuhan
 - (b) Pekerja Kumpulan AmBank tidak layak menyertai Kempen ini.
 - (c) Akaun Pelanggan dengan Bank yang tidak aktif atau yang telah melanggar perjanjian lain dengan Bank;
 - (d) Akaun Pelanggan yang dianggap tidak memuaskan, tidak sah atau dibatalkan.
- 3.6 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

4. Mekanisme Kempen

- 4.1 Kempen ini akan dijalankan mengikut tempoh berikut dan tarikh yang sepadan:

Tempoh Kempen Bulan	Tarikh
1	1 April 2023 – 30 April 2023
2	1 Mei 2023 – 31 Mei 2023
3	1 Jun 2023 – 30 Jun 2023
4	1 Julai 2023 – 31 Julai 2023
5	1 Ogos 2023 – 31 Ogos 2023
6	1 September 2023 – 30 September 2023
7	1 Oktober 2023 – 31 Oktober 2023
8	1 November 2023 – 30 November 2023
9	1 Disember 2023 – 31 Disember 2023
10	1 Januari 2024 – 31 Januari 2024
11	1 Februari 2024 – 29 Februari 2024
12	1 Mac 2024 – 31 Mac 2024

- 4.2 Pelanggan yang layak memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah berhak mendapatkan hak penyertaan untuk memenangi hadiah (“Penyertaan”) semasa Tempoh Kempen:

Jadual 1: Peruntukan Penyertaan

No.	Huraian	Bilangan Penyertaan
Deposit	BUKA AmWafeeq SA-i Baru melalui AmOnline / cawangan dalam tempoh kempen dengan Baki Akhir Bulan (“ BAB ”) RM500 minima dalam bulan pembukaan akaun	10 Penyertaan (satu kali sahaja)
	DEPOSIT ke Akaun dengan BPB sehingga RM5,000, setiap BPB tambahan ¹ RM100	5 Penyertaan (setiap tempoh kempen bulan)

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

	DEPOSIT – Akaun dengan BPB RM5,000 ke atas, setiap BPB tambahan ¹ RM100	10 Penyertaan (setiap tempoh kempen bulan)
	DIUNTUKKAN - Setiap RM10,000 bagi 3 bulan dalam AmWafeeq SA-i	50 Penyertaan (setiap tempoh kempen bulan)
	DIUNTUKKAN - Setiap RM10,000 bagi 6 bulan dalam AmWafeeq SA-i	150 Penyertaan (setiap tempoh kempen bulan)
	Simpanan Umrah <i>(Eksklusif untuk Pelanggan Muslim)</i> Deposit minima RM500 dengan terkumpul 3 transaksi dalam AmWafeeq SA-i dengan minima BPB tambahan sebanyak RM6,000 menjelang Mac 2024.	Penyertaan Berganda (satu kali sahaja)
Transaksi	BAYAR menerusi Kad Debit/ QR DuitNow dengan jumlah 3 transaksi setiap bulan	10 Penyertaan (setiap tempoh kempen bulan)
	DAFTAR untuk AmOnline	10 Penyertaan (satu kali sahaja)
	PAUTKAN Akaun Tabung Haji di AmOnline dengan minima 2 transaksi	50 Penyertaan (satu kali sahaja)
Baru kepada Produk/ Perkhidmatan	[Produk Kad Kredit] Pelanggan yang Layak tidak memiliki AmBank/AmBank Islamic Kad Kredit/Kad Kredit-i dan mendaftar Kad Kredit/Kad Kredit-i semasa Tempoh Kempen.	100 Penyertaan (satu kali sahaja)
	[Produk Kekayaan] Pelanggan yang Layak melanggan sabarang pelaburan atau insurans/Takaful produk semasa Tempoh Kempen.	100 Penyertaan (Setiap transaksi)
	[Produk Pembiayaan] Pelanggan yang Layak mendaftar sebarang produk pembiayaan semasa Tempoh Kempen.	100 Penyertaan (Setiap kes yang berjaya)
	Perbankan Prioriti AmBank/AmBank Islamic SIGNATURE (AmSPB) Pelanggan yang Layak mendaftar untuk keahlian AmSPB dan mengekalkan minima RM50,000 BPB dalam AmWafeeq SA-i pada bulan pendaftaran.	100 Penyertaan (satu kali sahaja)
Rangsangan	[Rangsangan Khas Hari Raya] (dari 1 April 2023 hingga 30 April 2023) Setiap BPB ³ Tambahan RM100	Penyertaan Berganda (satu kali sahaja)
	[Rangsangan Khas Merdeka Ke-66] (dari 1 Ogos 2023 hingga 31 Ogos 2023) BPB ⁴ Tambahan RM10,000	Penyertaan Berganda dan 66 penyertaan tambahan (satu kali sahaja)

**Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024**

	<p>[Rangsangan Khas Akhir Tahun] (dari 1 Disember 2023 hingga 31 Disember 2023)</p> <p>BPB⁵ Tambahan RM1,000</p>	<p>Penyertaan Berganda (satu kali sahaja)</p>
--	---	--

Nota¹: Baki akaun tambahan akan dikira berdasarkan BPB AmWafeeq SA-i pelanggan untuk bulan tolak bulan sebelum bulan penyertaan.

Nota²: Baki akaun tambahan akan dikira berdasarkan BPB AmWafeeq SA-i pelanggan pada bulan Mac 2024 BPB tolak Mac 2023 BPB.

Nota³: Baki akaun tambahan akan dikira berdasarkan BPB AmWafeeq SA-i pelanggan pada bulan April 2023 BPB tolak Mac 2023 BPB.

Nota⁴: Baki akaun tambahan akan dikira berdasarkan BPB AmWafeeq SA-i pelanggan pada bulan Ogos 2023 BPB tolak Julai 2023 BPB.

Nota⁵: Baki akaun tambahan akan dikira berdasarkan BPB AmWafeeq SA-i pelanggan pada bulan Disember 2023 BPB tolak November 2023 BPB.

4.3 BPB tambahan adalah merujuk kepada perbezaan BPB semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPB dalam pada Garis Dasar.

- Pelanggan yang Baru dengan Bank: Garis Dasar = "0"
- Pelanggan yang sedia ada dengan Bank: Garis Dasar = BPB untuk bulan sebelum bulan penyertaan.

Ilustrasi 1:

- i. Seorang Pelanggan yang Layak membuka AmWafeeq SA-i melalui AmOnline pada Tempoh Kempen Bulan 1 dan telah deposit Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) semasa pembukaan akaun. Garis Dasar BPB Pelanggan adalah RM0.
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 1 dikira seperti di bawah:

Kriteria Dipenuhi	Bilangan Penyertaan Diperoleh
PEMBUKAAN AmWafeeq SA-i Baru melalui AmOnline dalam tempoh kempen dengan BAB RM500 minima dalam bulan pembukaan akaun	10 Penyertaan
DEPOSIT – Akaun dengan BPB sehingga RM5,000, setiap BPB tambahan RM100	250 Penyertaan (RM5,000 / RM100) x 5
Pendaftaran AmOnline	10 Penyertaan
Jumlah Penyertaan Diperoleh	270 Penyertaan

Ilustrasi 2:

- i. Seorang Pelanggan yang Layak memiliki AmWafeeq SA-i dengan Garis Dasar BPB Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500). Dalam Tempoh Kempen Bulan 3, Pelanggan yang Layak telah mendaftar keahlian AmSPB dan memperuntukkan Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) selama 6 bulan dalam CASA-i. Pelanggan yang Layak tersebut juga telah menghubungkan Akaun Tabung Haji melalui AmOnline dan melakukan tiga (3) transaksi, dan telah menggunakan Kad Debit sebanyak tiga (3) kali dalam tempoh tersebut.
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 3 dikira seperti di bawah:

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

Kriteria Dipenuhi	Bilangan Penyertaan Diperoleh
DEPOSIT – Akaun dengan BPB sehingga RM5,000, setiap BPB tambahan RM100	4,950 Penyertaan $[(RM50,000 - RM500) / RM100] \times 10$
Setiap RM10,000 PERUNTUKAN dalam AmWafeeq SA-i selama 6 bulan	750 Penyertaan $(RM50,000 / RM10,000) \times 150$
Pelanggan yang Layak mendaftar untuk keahlian AmSPB dan mengekalkan minima RM50,000 BPB dalam AmWafeeq SA-i pada bulan pendaftaran.	100 Penyertaan
HUBUNG Akaun Tabung Haji melalui AmOnline dengan minima 2 transaksi	50 Penyertaan
BAYAR melalui Kad Debit/ DuitNow QR dengan minima 3 transaksi kesemuanya setiap bulan	10 Penyertaan
Jumlah Penyertaan Diperoleh	5,860 Penyertaan

Illustrasi 3: [Rangsangan Khas Hari Raya]

- i. Seorang Pelanggan yang Layak memiliki AmWafeeq SA-i dengan Garis Dasar BPB Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100). Dalam Tempoh Kempen Bulan 1, Pelanggan yang Layak telah deposit Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) untuk memperolehi penyertaan bonus dengan Rangsangan Khas Hari Raya.
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 1 dikira seperti di bawah:

Criteria Dipenuhi	Bilangan Penyertaan Diperoleh
DEPOSIT – Akaun dengan BPB RM5,000 ke atas, setiap BPB tambahan 1 RM100	1,000 Penyertaan $(RM5,000 / RM100) \times 10 \times 2^*$
Jumlah Penyertaan Diperoleh	1,000 Penyertaan

Nota*: Pelanggan yang Layak akan layak untuk Penyertaan Berganda apabila memenuhi kriteria Rangsangan Khas Hari Raya

Illustrasi 4: [Rangsangan Khas Merdeka Ke-66]

- i. Seorang Pelanggan yang Layak memiliki AmWafeeq SA-i dengan Garis Dasar BPB Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000). Dalam Tempoh Kempen Bulan 5, Pelanggan yang Layak telah deposit Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) untuk memperolehi penyertaan bonus dengan Rangsangan Khas Merdeka Ke-66.
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 5 dikira seperti di bawah:

Criteria Dipenuhi	Bilangan Penyertaan Diperoleh
DEPOSIT – Akaun dengan BPB RM5,000 ke atas, setiap BPB tambahan 1 RM100	9,866 Entries $[(RM50,000 - RM1,000) / RM100] \times 10 \times 2^*$ + 66 penyertaan
Jumlah Penyertaan Diperoleh	9,866 Penyertaan

Nota*: Pelanggan yang Layak akan layak untuk Penyertaan Berganda apabila memenuhi kriteria Rangsangan Khas Merdeka Ke-66.

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

Ilustrasi 5: [Rangsangan Khas Akhir Tahun]

- i. Seorang Pelanggan yang Layak memiliki AmWafeeq SA-i dengan Garis Dasar BPB Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000). Dalam Tempoh Kempen Bulan 9, Pelanggan yang Layak telah deposit Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Ribu (RM70,000) untuk memperolehi penyertaan bonus dengan Rangsangan Khas Akhir Tahun
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 9 dikira seperti di bawah:

Criteria Dipenuhi	Bilangan Penyertaan Diperoleh
DEPOSIT – Akaun dengan BPB RM5,000 ke atas, setiap BPB tambahan1 RM100	13,600 Entries $[(RM70,000 - RM2,000) / RM100] \times 10 \times 2^*$ + 66 penyertaan
Jumlah Penyertaan Diperoleh	13,600 Penyertaan

Nota*: Pelanggan yang Layak akan layak untuk Penyertaan Berganda apabila memenuthi kriteria Rangsangan Khas Akhir Tahun.

- 4.4 Sekiranya Pelanggan yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) AmWafeeq SA-i, baki gabungan semua AmWafeeq SA-i pemegang akaun utama akan dikira untuk tujuan Kempen ini dan bilangan penyertaan hendaklah dikira dengan sewajarnya

Contoh 1:

AmWafeeq SA-i	BPB (RM)
Akaun nama tunggal 1	500
Akaun gabungan utama bersama pelanggan A	1,500
Akaun gabungan kedua bersama pelanggan B	2,000
Akaun gabungan utama bersama pelanggan C	900
Jumlah	2,900

Contoh 2:

AmWafeeq SA-i	BPB (RM)
Akaun nama tunggal 1	500
Akaun-gabungan utama bersama pelanggan X	1,000
Akaun-gabungan utama bersama pelanggan Y	1,500
Akaun gabungan utama bersama pelanggan Z	2,000
Jumlah	5,000

5. Hadiah

- 5.1 Hadiah yang ditawarkan dan jumlah pemenang bagi setiap kategori hadiah adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan Pemenang Setiap Cabutan	Bulan Cabutan	Hadiah untuk setiap Pemenang	Jumlah Pemenang bagi keseluruhan Tempoh Kempen
Hadiah Utama	1	Mac 2024	Mercedes-Benz EQS bernilai RM720,000	1
Hadiah Kedua	2	Mac 2024	Mercedes-Benz EQA bernilai RM290,000	2

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

Hadiah Ketiga	3	Mac 2024	Pakej Percutian bernilai RM20,000	3
Hadiah Utama Pertengahan Tahun	1	September 2023	Mercedes-Benz EQE bernilai RM450,000	1
Cabutan Baru ke Prioriti	4	September 2023, Mac 2024	Valiram Baucar bernilai RM20,000	8
Cabutan Umrah	5	Mac 2024	Perjalanan Umrah bernilai RM10,000	5
Cabutan Digital Pelanggan Baru	10	September 2023, Mac 2024	iPhone 14 Plus bernilai RM4,800	20
Cabutan Baru ke AmWafeeq	10	September 2023, Mac 2024	Jongkong Emas (10gm) bernilai RM3,250	20
Cabutan Setiap Suku Tahun	1 setiap cawangan	Jun 2023 September 2023 Disember 2023	RM 500 hadiah tunai	489 (Jumlah 163 cawangan)
Cabutan Bulanan	300	<u>2023</u> Apr, Mei, Jun, Jul, Ogos, Nov, Dis <u>2024</u> Jan, Feb	RM 100 hadiah tunai	3,000

- 5.2 Untuk melayakkan diri untuk Cabutan Hadiah Utama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga dan Hadiah Utama Pertengahan Tahun, Pelanggan yang Layak dikehendaki mempunyai BPB Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) minima pada tempoh kempen bulan terakhir.
- 5.3 Hanya Pelanggan Baru yang Layak yang membuka AmWafeeq SA-i melalui AmOnline layak untuk Cabutan Digital Pelanggan Baru.
- 5.4 Hanya Pelanggan Muslim yang deposit minima Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dengan terkumpul tiga (3) transaksi dalam AmWafeeq SA-i dengan minima BPB tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,000) menjelang Mac 2024 akan layak untuk Cabutan Umrah
- 5.5 Hanya Pelanggan yang Layak mendaftar untuk keahlian AmSPB dan mengekalkan minima Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) BPB dalam AmWafeeq SA-i pada bulan pendaftaran akan layak untuk Cabutan Baru ke Prioriti.
- 5.6 Cabutan Setiap Suku Tahun akan kepada Seratus Enam Puluh Tiga (163) cawangan bank, kecuali Cawangan-cawangan Satelit seperti yang disenariakan dalam jadual dibawah. Setiap cawangan mestilah membuka sekurang-kurangnya lima puluh (50) AmWafeeq SA-i yang baru di cawangan masing-masing untuk berlayak untuk Cabutan Setiap Suku Tahun.

No.	Cawangan Satelit	Cawangan Berkelompok
1.	UIA Gombak	Selayang
2.	Kuala Sepetang	Taiping
3.	Pangkor	Sitiawan

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

4.	Sungai Dua	Bagan Ajam
5.	Sibu Jaya	Sibu Pedada

- 5.7 Pemenang untuk Cabutan Bulanan hanya layak mendapat satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen dan tidak layak menjadi pemenang untuk pertandingan Cabutan Bulan / Cabutan Setiap Suku Tahun seterusnya. Walau bagaimanapun, mereka masih layak untuk Peraduan Cabutan Hadiah Utama/Hadiah Kedua/Hadiah Ketiga/Hadiah Utama Pertengahan Tahun jika memenuhi kriteria.
- 5.8 Pemenang untuk Hadiah Utama Pertengahan Tahun tidak akan layak untuk cabutan Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga.
- 5.9 Hadiah-hadiah ini tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada kredit atau apa-apa jenis lain yang sedemikian.
- 5.10 Untuk memenuhi syarat sebagai pemenang berpotensi yang disenarai pendekkan bagi mana-mana kategori Hadiah, mana-mana Pelanggan Yang Layak mesti mengekalkan baki agregat minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) pada hujung bulan (iaitu jumlah baki hujung bulan semua AmWafeeq SA-i bagi Pemegang Akaun Utama) bersama dengan sekurang-kurangnya satu (1) Penyertaan yang terkumpul oleh Pelanggan Yang Layak.

6. Pemilihan Pemenang

(A) Hadiah Utama Pertengahan Tahun

- 6.1 Sistem Bank akan menetapkan nombor bersiri unik bagi setiap Penyertaan yang diperolehi oleh semua Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen, yang kemudiannya digunakan untuk menyisih semua Penyertaan dalam turutan menaik. Kemudian, setiap Penyertaan kemudiannya dinomborkan secara berurutan mulai dari satu (1) untuk nombor siri dengan nilai terendah ("**Nombor Berurutan**").
- 6.2 Selepas perolehan Penyertaan, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan tiga puluh (30) untuk mengembalikan nilai penganda untuk menyenarai pendek tiga puluh (30) Pelanggan Yang Layak untuk Hadiah Utama Pertengahan Tahun. ("**Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi**").

Contoh:

3,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 30 untuk mengembalikan nilai penganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-3,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi

- 6.3 Satu (1) orang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama Pertengahan Tahun. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

Contoh:

Sekiranya Penyertaan ke-200 dan ke-300 adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka penyenaiaan pendek akan berdasarkan Penyertaan ke-200. Bagi Penyertaan ke-300 Pelanggan Yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya, iaitu penyertaan ke-400, akan dipilih sebagai gantinya.

- 6.4 Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan ("**S&J Telefon**") melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari 30 September 2023, mengikut budi bicara Bank.
- 6.5 Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Utama Pertengahan Tahun.
- 6.6 Sekiranya Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Utama Pertengahan Tahun.
- 6.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.
- (B) Hadiah Utama**
- 6.8 Selepas perolehan Penyertaan, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan tiga puluh (30) untuk mengembalikan nilai penganda untuk menyenarai pendek tiga puluh (30) Pelanggan Yang Layak untuk Hadiah Utama. ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**").

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

Contoh:

3,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 30 untuk mengembalikan nilai penganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-3,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Utama Berpotensi.

- 6.9 Satu (1) orang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

Contoh:

Sekiranya Penyertaan ke-200 dan ke-300 adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka penyenaian pendek akan berdasarkan Penyertaan ke-200. Bagi Penyertaan ke-300 Pelanggan Yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya, iaitu penyertaan ke-400, akan dipilih sebagai gantinya.

- 6.10 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen, mengikut budi bicara Bank.
- 6.11 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Utama.
- 6.12 Sekiranya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Utama.
- 6.13 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

(C) Hadiah Kedua

- 6.14 Berikutan Klausa 6.1, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan empat puluh (40) untuk mengembalikan nilai penganda untuk penyenaian pendek empat puluh (40) Pelanggan yang Layak bagi Hadiah Kedua ("**Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi**")
- 6.15 Dua (2) orang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Kedua. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

Contoh:

4,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 40 untuk mengembalikan nilai penganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-100, ke-200 hingga ke-4,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi.

- 6.16 Seorang Pelanggan yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama atau Hadiah Kedua. Sekiranya Pelanggan yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali untuk Hadiah Utama atau Hadiah Kedua, Pelanggan yang Layak tersebut hanya akan disenarai pendek berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan yang Layak yang terendah. Penyertaan disenarai pendek lain Pelanggan yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti yang tertera di bawah:

Contoh:

Sekiranya Penyertaan ke-200 dan ke-300 bagi Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka Pelanggan yang Layak hanya akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi berdasarkan Penyertaan Ke-200 Pelanggan yang Layak. Bagi Penyertaan ke-300 Pelanggan yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya akan dipilih sebagai gantinya.

- 6.17 Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen, mengikut budi bicara Bank.
- 6.18 Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Kedua. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank.

Terma dan Syarat
Kempen Am Up Your Chances
Tempoh Kempen: 1 April 2023 – 31 Mac 2024

Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Kedua.

- 6.19 Sekiranya Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J melalui Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Kedua.
- 6.20 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.

(D) Hadiah Ketiga

- 6.21 Berikutan Klausa 6.1, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan lima puluh (50) untuk mengembalikan nilai pengganda untuk penyenaian pendek lima puluh (50) Pelanggan yang Layak bagi Hadiah Ketiga ("**Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi**")
- 6.22 Tiga (3) orang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Ketiga. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendekkan lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

Contoh:

5,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 50 untuk mengembalikan nilai pengganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-5,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi.

- 6.23 Seorang Pelanggan yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga. Sekiranya Pelanggan yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali untuk Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga, Pelanggan yang Layak tersebut hanya akan disenarai pendek berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan yang Layak yang terendah. Penyertaan disenarai pendek lain Pelanggan yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti yang tertera di bawah:

Contoh:

